

BN yakin rampas Parlimen Wangsa Maju
Utusan Online
03 Mac, 2012

KUALA LUMPUR 2 Mac - Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yakin Barisan Nasional (BN) dapat merampas semula Parlimen Wangsa Maju pada Pilihan Raya Umum Ke-13.

Beliau berkata, keyakinan itu dilihat berdasarkan pelbagai aspek termasuk kegoyahan parti pembangkang di kawasan berkenaan.

Justeru, Muhyiddin menggesa semua pemimpin dan jentera parti bekerja kuat untuk menawan kembali kawasan berkenaan.

Gesaan itu dibuat dalam taklimat tertutup selama kira-kira sejam bersama-sama jentera BN yang turut disertai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin di Pejabat UMNO Bahagian Wangsa Maju di sini hari ini.

Selepas taklimat berkenaan, Muhyiddin menyertai lebih 700 penerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) untuk minum petang.

Sementara itu, menurut Pengerusi BN Parlimen Wangsa Maju, Datuk Mohd. Shafei Abdullah, pada taklimat itu Timbalan Perdana Menteri turut diberi penerangan mengenai suasana dan persediaan jentera parti dalam menghadapi pilihan raya.

"Tetapi kita belum membincangkan mengenai calon untuk mewakili kawasan ini, namun kita yakin BN dapat menawan kembali Parlimen Wangsa Maju berdasarkan senario yang melanda parti pembangkang sekarang," katanya.

Dalam pada itu, pada majlis yang sama beliau berkata, Muhyiddin turut meluluskan pembinaan tiga buah rumah penyimpanan mayat untuk kaum Cina dan India di Teratai Mewah dan Danau Kota di sini.

Menurut Mohd. Shafei, setiap sebuah rumah mayat berkenaan bernilai RM50,000 dibina untuk memberi kemudahan kepada kaum berkenaan menguruskan hal-hal kematian.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0303&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_02.htm